

FAKTA SEJARAH KESULTANAN MELAYU PAHANG

SULTAN PAHANG I



Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah Ibni Al-Marhum Bendahara Ali

- Bergelar Sultan Pahang yang pertama pada 6 Ogos 1882.
- Baginda ialah anakanda kepada Bendahara Ali dengan Che Long, juga dikenali sebagai Che Lingga.
- Diputerakan pada 23 Mei 1836 bersamaan 5 Muharram 1252 Hijrah di istana ayahandanya di Pulau Maulana, Pekan dan adalah putera kelima daripada 11 beradik.
- Baginda diisytiharkan menjadi Sultan pada 16 Ogos 1882 dan mangkat pada 9 Mei 1914 setelah memerintah selama lebih kurang 50 tahun.

SULTAN PAHANG II



Al-Marhum Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah

- Diputerakan pada 4 Februari 1868 bersamaan 10 Syawal 1254 Hijrah.
- Baginda dilantik menjadi Pemangku Raja pada 22 Julai 1889 bagi membantu ayahandanya dalam urusan pemerintahan negeri. Pada 11 Oktober 1891, Tengku Mahmud diberi gelaran Tengku Besar Pahang iaitu gelaran kepada seorang bakal Sultan.
- Baginda berkahwin dengan Tengku Mariam iaitu puteri kepada Al-Marhum Sultan Abu Bakar (Johor) pada Julai 1913 tetapi tidak mempunyai zuriat.

• Baginda menggantikan ayahandanya sebagai sultan yang memerintah pada 9 Mei 1914 dan Tengku Mariam pula dilantik sebagai Tengku Puan Besar dan mangkat pada 19 Jun 1917 di Rumah Rehat Kuala Pahang.

SULTAN PAHANG III



Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah

- Baginda diputerakan pada malam Khamis, 12 Oktober 1874 bersamaan 25 Syawal 1296 Hijrah di istana ayahandanya dan bondanya Cik Su'ma di Pekan Lama.
- Baginda adalah putera kelima Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Bendahara Ali dan dilantik menaiki takhta kerajaan Pahang setelah kemangkatan kekandanya, Sultan Mahmud.
- Baginda ditabalkan sebagai Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah pada Mei 1919

di Balairung Seri Istana Seri Terentang, Pekan dengan penuh istiadat.

• Baginda mangkat di Istana Kuning pada 22 Jun 1932 dan meninggalkan tiga isteri iaitu Che Endut, Che Kalsum Abdullah dan Che Wan Chantik Wan Mohd Amin serta 10 putera dan tujuh puteri.

TAKHTA TENGKU ABDULLAH

HARIZAN METRO 4400 (13/10/2019) ms

**Abdul Razak Raaff
dan Amin Ridzuan Ishak**
cnews@nstp.com.my

Pekan

Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dilantik sebagai Sultan Pahang VI berkuat kuasa serta-merta. Manakala istiadat pemasyhuran akan dijalankan pada jam 11 pagi Selasa ini di Istana Abu Bakar di sini.

Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah bertitah, 30 Ahli Majlis Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang yang bermesyuarat di Kuala Lumpur kelmarin sebulat suara bersetuju dengan pelantikan itu.

“Dalam keadaan sedih dan dukacita, saya dan keluarga terima hakikat bahawa ayahanda (Sultan

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang untuk memberi kuasa kepada ahli majlis jumaah untuk menurunkan takhta raja disebabkan kegeringan yang besar dan berat.

“Pindaan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang ini hanya membabitkan Majlis Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang dan tidak perlu dibawa ke Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN),” titah baginda pada sidang media khas di Istana Abu Bakar di sini, semalam.

Tengku Abdul Rahman juga bertitah ayahanda baginda, Sultan Ahmad Shah kini digelar Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah. Titah baginda, mesyuarat Majlis Jumaah Pangkuan

“**Dalam keadaan sedih dan dukacita, saya**

Diraja Negeri Pahang kelmarin bagaimanapun tidak membincangkan mengenai isu pelantikan Tengku Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Perkembangan terbaharu itu juga bakal memungkinan Tengku Abdullah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong XVI. Mengikut tradisi giliran, jawatan Yang di-Pertuan Agong selepas Kelantan adalah Pahang diikuti Johor dan Perak, namun keputusan pemilihannya akan dibuat oleh Majlis Raja-Raja.

Majlis Raja-Raja akan mengadakan mesyuarat khas di Istana Negara pada 24 Januari ini untuk memilih Yang di-Pertuan Agong XVI dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Majlis Raja-Raja juga akan mengadakan mesyuarat khas bagi acara Mengangkat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong XVI

SULTAN PAHANG IV



Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah

- Baginda diputerakan pada 29 Mei 1904 bersamaan 14 Rabi'ul Awal, tahun 1322 Hijrah. Baginda adalah putera kepada Al-Marhum Sultan Abdullah dengan Che Kalsum Abdullah.
- Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pekan dan kemudian menyambung pendidikannya dalam aliran Inggeris di Maktab Melayu Kuala Kangsar atau dikenali sebagai Malay College Kuala Kangsar (MCKK) di Perak.
- Baginda menaiki takhta pada 24 Jun 1932 dan kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam

Shah pada Ahad, 28 Mei 1933 di Istana Pantai, Pekan.

- Pada waktu itu, usianya baru mencecah 28 tahun dan baginda adalah Sultan yang paling muda dalam sejarah Raja-Raja Tanah Melayu ketika itu.
- Baginda mangkat pada 5 Mei 1974 di Istana Kecil, Pekan setelah memerintah Pahang selama 42 tahun.

SULTAN PAHANG V



Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah

- Diputerakan jam 12 tengah hari pada Jumaat, 24 Oktober 1930 di Istana Mangga Tunggal (bersebelahan Istana Kuning, Pekan Lama) Bandar Diraja Pekan.
- Baginda adalah anakanda ketiga Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah dengan Al-Marhumah Tengku Ampuan Besar Pahang Raja Hajjah Fatimah binti Al-Marhum Sultan Iskandar Shah.
- Baginda memulakan persekolahannya di Sekolah Melayu di Kuala Kangsar, Perak dan melanjutkan pelajarannya ke Maktab Melayu

Kuala Kangsar dan turut belajar asas agama di Kuliah Al-lughah Waddin Al-Sultan Abu Bakar, Padang Polo, Pekan.

- Baginda melangsungkan perkahwinan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Hajjah Afzan binti Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad pada 24 April 1954 dan dikurniakan dua putera dan lima puteri.
- Baginda dimasyhurkan sebagai Sultan pada 7 Mei 1974, menggantikan Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah yang mangkat pada 5 Mei 1974.
- Baginda ditabalkan dan dimahkotakan dengan gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 8 Mei 1975.

Shah) tidak lagi boleh memikul tugas dan tanggungjawab sebagai pemerintah.

“Mesyuarat yang saya pengerusikan semalam (kelmarin) juga bersetuju dan meluluskan pindaan Bahagian 1 Perkara 9A

dan keluarga terima hakikat bahawa ayahanda (Sultan Ahmad Shah) tidak lagi boleh memikul tugas dan tanggungjawab sebagai pemerintah”

Tengku Abdul Rahman

dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 31 Januari ini.

Pada 6 Januari lalu, Sultan Muhammad V meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong XV yang dibuat selaras Perkara 32 (3) Perlembagaan Persekutuan.

FOTO: MUHAMMAD ASYRAF SAWAL



TENGGU Abdul Rahman (kiri) berkata sesuatu kepada Tengku Temenggong Pahang, Tengku Fahd Mu'adzam Sultan Ahmad Shah ketika mengumumkan Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang ke-6 di Istana Abu Bakar, semalam.

**Pemasyhuran sebagai
Sultan Pahang
disempurnakan
pada Selasa ini**

HARIS AN
M E T P O
DH40
13/01/2019
M503

BIODATA

Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah diputerakan pada 30 Julai 1959 di Istana Mangga Tunggal, Pekan.

Baginda adalah anak keempat daripada tujuh beradik hasil perkahwinan Sultan Ahmad Shah dengan Almarhum Tengku Ampuan Afzan.

Pada 1 Julai 1975, baginda dilantik Tengku Mahkota Pahang dan dimasyhurkan pada 23 Oktober 1977 di Istana Abu Bakar, Pekan.

Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Ahmad, Pekan, Sekolah Rendah St Thomas, Kuantan dan Sekolah Menengah St Thomas, Kuantan. Baginda melanjutkan pengajian di Aldenham School, Elstree Hertfordshire - Advance School (1975-1978), Davies College, London - Advance School (1978-1979), Royal Military Academy, Sandhurst, England (1979-1980) dan Worcester & Queen Elizabeth College (Foreign Affair & Diplomacy) (1981).

Ketika berusia 20 tahun, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dilantik Pemangku Raja Pahang pada 28 April 1979 selepas ayahandanya, Sultan Ahmad Shah menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-VII. Pelantikan baginda itu adalah untuk tempoh lima tahun.

Baginda dilantik semula sebagai Pemangku Raja Pahang selepas mendapat perkenan Sultan Ahmad Shah yang diisytiharkan dalam surat rasmi Kerajaan Pahang bertarikh 28 Disember 2016.

Berkahwin dengan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada Mac 1986.



Memiliki empat putera dan lima puteri:

1. Tengku Amir Nasser
2. Tengku Panglima Besar Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah
3. Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah,
4. Tengku Ahmad Ismail Muadzam Shah.
5. Tengku Puteri Ilyana
6. Tengku Puteri Iman Afzan
7. Tengku Puteri Ilisha Ameera
8. Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah
9. Tengku Puteri Jihan Azizah 'Athiyatullah.

Antara jawatan lain dipegang baginda kini adalah Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Komander Rejimen 505 Askar Wataniah, Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Canselor Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Canselor Universiti Automotif Malaysia DRB-HICOM.

Baginda juga pernah memegang jawatan dalam persatuan sukan antaranya Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Presiden Persatuan Hoki Malaysia (MHF).

